

MINGGU 01

SEJARAH DAN PENGENALAN TANAH SUCI MAKKAH DAN MADINAH



*Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan kemabruran*



TABUNG HAJI
حي على الفلاح



Tabung Haji




www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

TALBIAH: LAFAZ & MAKNA

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ
 إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ



HambaMu datang menyahut panggilanMu ya Allah.
 HambaMu datang menyahut panggilanMu.
 HambaMu datang menyahut panggilanMu.
 Tuhan yang tiada sekutu bagiMu.
 HambaMu datang menyahut panggilanMu.
 Sesungguhnya segala puji dan nikmat dan kerajaan
 adalah kepunyaanMu, tiada sekutu bagiMu.

KANDUNGAN

01

Sejarah Tanah Suci Makkah al-Mukarramah

- Sejarah Pertemuan Nabi Adam dan Hawa
- Sejarah Nabi Ibrahim A.S., isteri dan anaknya

02

Adab dan Kelebihan Tanah Haram Makkah

- Kelebihan Tanah Haram Makkah
- Tempat Mustajab Berdoa

03

Sejarah Ka'bah dan Masjidil Haram

- Sejarah Pembinaan Ka'bah
- Amalan di Masjidil Haram
- Sejarah dan Kelebihan Air Zamzam

04

Kawasan Masya'ir Haji

- 'Arafah
- Muzdalifah
- Mina

05

Sejarah Madinah al-Munawwarah

- Masjid Nabawi
- Tempat-tempat Ziarah




MINGGU

01

SEJARAH & PENGENALAN TANAH SUCI MAKKAH & MADINAH

MAKKAH



TABUNG HAJI
حي علم الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

MINGGU

01

SEJARAH & PENGENALAN TANAH SUCI MAKKAH & MADINAH

MAKKAH



TABUNG HAJI
حي علم الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

SEJARAH MAKKAH

Sejarah kehidupan Nabi Ibrahim, isterinya Hajar dan Puteranya Ismail
(Surah Ibrahim Ayat 37 -38)

- **Perintah Allah S.W.T kepada Nabi Ibrahim A.S meninggalkan keluarganya Saidatuna Hajar dan Ismail A.S di Makkah**
- **Ketaatan Nabi Ibrahim A.S pada Allah S.W.T dan bertawakkal**
- **Doa Nabi Ibrahim A.S menjadikan hati-hati manusia tertarik untuk datang ke Makkah**
- **Doa Nabi Ibrahim A.S tentang rezeki dan keberkatan bagi Tanah Haram Makkah**

SEJARAH MAKKAH

- Hajar mengadu kepada Allah S.W.T mohon rezeki
- Hajar berlari ulang alik dari Safa ke Marwah
- Keluar air zamzam dari pasir akibat tolakan kaki oleh Ismail A.S.
- Umur Ismail 13 tahun, Nabi Ibrahim A.S. datang ke Makkah

KETAATAN & PENGORBANAN

Perintah Qurban (Sembelih Ismail) Melalui Mimpi

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَىٰٓ اِنِّىۤ اَرَىۤ فِى الْمَنَامِ اَنِىۤ اَذْبَحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَىۤ ۗ قَالَ يَآٓبَتِ اَفْعَلْ مَا تُؤْمَرُ ۗ سَتَجِدُنِىۤ اِنْ شَاءَ اللّٰهُ مِنَ الصّٰبِرِيۡنَ ﴿١٠٢﴾

Maka tatkala anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata “Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelih mu, maka fikirkanlah apa pendapatmu?”. Anaknya menjawab: “Wahai Ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu, InsyaAllah Ayah akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar”.

Surah As-Saaffaat : Ayat 102



PEMBINAAN KA'BAH

Nabi Ibrahim AS datang kali ketiga ke Makkah setelah menerima perintah membina Ka'bah ketika itu Nabi Ismail AS berumur 20 tahun dan ibunya telah pun meninggal dunia.

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلُ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿١٢٧﴾

Dan (ingatlah), ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan dasar-dasar (tapak) Baitullah (Ka'bah) itu, sambil keduanya berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami terimalah daripada kami (amalan kami), sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui".

Surah al-Baqarah : Ayat 127




SEJARAH MAKKAH

- Kawasan yang tidak berpenghuni – laluan rombongan pedagang
- Suku Jurhum mohon keizinan Saidatuna Hajar untuk bermukim
- Nabi Ismail dijodohkan dengan anak Kaum Jurhum, yang dikuasai kaum Jurhum selama 20 abad
- Suku Khuza'ah dari Yaman kuasai Makkah dengan menewaskan Kaum Jurhum
- Qusay Ibnu Kilab menyatukan suku arab menjadi satu bangsa satu bangsa Quraisy yang disegani
- Rasulullah S.A.W dilahirkan semasa kegemilangan Quraisy di bawah pimpinan Abdul Mutalib
- Rasulullah S.A.W menamatkan penguasaan musyrikin Quraisy ke atas Makkah pada bulan Ramadhan 8 hijrah

ADAB-ADAB DI MAKKAH

Menyedari perjalanan haji adalah ibadat



Menyedari diri sebagai tetamu Allah



Bersabar dan reda



Qanaah dan syukur



Kebergantungan sepenuhnya dengan Allah



Menunjukkan akhlak yang mulia



ADAB-ADAB DI MAKKAH

Perbanyakkan ibadat seperti tawaf, membaca al-Quran, iktikaf, doa, taubat dan istighfar



Elakkan sikap sombong dan takabur

Semangat tolong menolong dan kerjasama



Elakkan pertengkaran dan menyakiti orang lain



Menjauhi percakapan dan perbuatan keji yang berunsur lucah



Elakkan suka mengadu domba dan khabar angin


KELEBIHAN MAKKAH

BUMI KELAHIRAN
RASULULLAH S.A.W

100 ribu kali ganda
bagi setiap solat dan
amalan kebajikan
yang dikerjakan

Banyak tempat
mustajab untuk berdoa

Makkah terpelihara
daripada wabak taun
dan fitnah Dajal



Tempat mulia,
selamat dan aman

Limpahan rahmat yang
berterusan di Tanah
Haram setiap hari

Tiada waktu ditegah
untuk mengerjakan
solat sunat

GANJARAN 100 RIBU KEBAIKAN DI TANAH HARAM

Perbincangan Ulama’: Pendapat mengatakan kelebihan 100 ribu itu merangkumi seluruh Tanah Haram Makkah berdalilkan peristiwa Israk Mikraj ketika Rasulullah S.A.W di Israkkan baginda berada di rumah Ummu Hani’ bukan di dalam Masjidil Haram. Ulama’ menjelaskan bahawa Masjidil Haram yang dimaksudkan dalam ayat tersebut merujuk keberkatan “*barakna haulahu*” kepada Tanah Haram seluruhnya.

(Kitab Bughyah al-Tullab ms 102)



TIADA WAKTU DITEGAH UNTUK MELAKUKAN SOLAT

Waktu Tahrim (waktu yang diharamkan solat sunat) kecuali di Tanah Haram

- **Selepas solat subuh sehingga waktu Syuruq.**
- **Selepas waktu syuruq sehingga naik matahari (waktu Dhuha).**
- **Ketika rembang (gelincir) matahari kecuali hari Jumaat.**
- **Selepas solat Asar sehingga terbenam matahari.**
- **Masa kekuningan matahari sehingga terbenam matahari.**

(Al-Bahr Al-Wafi halaman 62)




MINGGU

01

SEJARAH & PENGENALAN TANAH SUCI MAKKAH & MADINAH

TEMPAT MUSTAJAB BERDOA

Dalam Ka'bah




Hijir Ismail

Multazam
Antara Hajar Aswad
dan pintu Kaabah

Masa Tawaf di
Baitullah/Ka'bah

Belakang Makam
Nabi Ibrahim



TABUNG HAJI
حي علم الفلاح



Tabung Haji




www.tabunghaji.gov.my




+603-6207 1919

TEMPAT MUSTAJAB BERDOA



Bukit Marwah

Bukit Safa



**Mas'a
(Tempat Sa'ie)**




**'Arafah (Sepanjang
Masa Wuquf)**



**Muzdalifah
(Sepanjang Masa
Bermabit)**




**Mina
(Sepanjang Hari Nahar
dan Hari Tasyriq)**



**Jamrah Sughra
Jamrah Wusta
Jamrah Kubra**


SEJARAH KA'BAH & AL-MASJID AL-HARAM

Dan demi “Al-Bait Al-Ma'mur”
Surah Al-Thur ayat 4




- Al-Bait Al-Ma'mur adalah tempat ibadat untuk Malaikat di langit, sama seperti Ka'bah di bumi.
- Kedudukan Ka'bah selari dengan Al-Bait Al-Ma'mur iaitu di bawah 'Arasy selepas langit ke tujuh.
- Kemuliaan Al-Bait Al-Ma'mur di langit, begitu juga Ka'bah di bumi.
- 70 ribu Malaikat beribadat setiap hari di Al-Bait Al-Ma'mur.

SEJARAH KA'BAH & AL-MASJID AL-HARAM




**BINAAN PADA ZAMAN
IBN ZUBAIR**



BINAAN HAJJAJ

KA'BAH




1. PENJURU HAJAR ASWAD
2. PENJURU IRAQI
3. PENJURU SHAMI
4. PENJURU YAMANI
5. HAJAR ASWAD
6. PINTU KA'BAH
7. MULTAZAM
8. MAQAM IBRAHIM
9. PANCUR EMAS
10. KAWASAN HIJIR ISMAIL ATAU HATIM
11. SYAZARWAN *
12. KELAMBU KA'BAH

* Syazarwan:

Binaan tembok kecil yang terletak dibahagian dinding kaki Ka'bah.

SEJARAH KA'BAH & MASJIDIL HARAM

SEJARAH PEMBINAAN KA'BAH



1

Rumah ibadat yang pertama didirikan di muka bumi

2

Binaannya daripada batu yang diambil daripada 5 buah gunung iaitu Jabal Lubnan, Tur Ziata, Tur Sina, Jabal Judiy dan Jabal Hira'

3

Telah dibina sebanyak 3 kali sebelum pembinaan Kaabah oleh Nabi Ibrahim, pembinaan tersebut di buat oleh Para Malaikat, Nabi Adam dan Nabi Syith

4

Ukuran pembinaan oleh Nabi Ibrahim adalah seperti berikut:

- Tinggi = 14 Meter
- Panjang = 12 Meter
- Lebar = 11 Meter

5


Ka'bah dibina semula pada zaman Quraisy iaitu ketika Nabi Muhammad S.A.W berusia 35 tahun

MINGGU

01

SEJARAH & PENGENALAN TANAH SUCI MAKKAH & MADINAH

MASJIDIL HARAM



TABUNG HAJI
حي علم الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

SEJARAH MASJIDIL HARAM

Pada peringkat awal, dari zaman Nabi Ibrahim hingga ke zaman Qusay bin Kilab, al-Masjid al-Haram adalah sebuah kawasan tanah lapang tanpa sebarang bangunan

Tahun 17 hijrah, kawasan al-Masjid al-Haram diperluaskan oleh Khalifah Umar. Kemudian diperbaharui oleh Khalifah Uthman Ibn Affan pada tahun 26 hijrah



Suatu kawasan yang meliputi Ka'bah, al-Mataf (tempat tawaf) dan ruang solat

Pembesaran berterusan dari semasa ke semasa di bawah penguasa Tanah Haram sehingga sekarang


AMALAN DI MASJIDIL HARAM




Tawaf sunat atau
solat tahiyatul
masjid




Berselawat ke
atas Nabi



Niat beriktikaf
dalam masjid



Berzikir




Membaca
al-Quran



Jauhi perbuatan
makruh dan *lagha*
(sia-sia)

SEJARAH KEWUJUDAN AIR ZAMZAM

Sinonim dengan sejarah Hajar dan Puteranya Ismail




Di sebuah lembah yang gersang lagi tiada berpenghuni.



Hajar berlari-lari ke Bukit Safa dan Bukit Marwah mencari air apabila Puteranya Ismail menangis kerana kepanasan dan dahaga.



Setelah berlarutan berulang alik sebanyak 7 kali beliau mendapati air sedang terpancar berhampiran Puteranya Ismail.



Hajar membina kepungan (tazamzama) agar air tidak melimpah keluar.

Bersempena dengan peristiwa itu, tempat keluar air ini dinamakan Telaga Zamzam.


ADAB MINUM AIR ZAMZAM

Niat untuk kebaikan.

Diriwayatkan oleh Ahmad, al-Hakim dan al-Daruquthniy dari Ibnu 'Abbas, juga diriwayatkan oleh Ahmad dari Jabir, Rasulullah SAW bersabda:

مَاءٌ زَمَزَمَ لِمَا شُرِبَ لَهُ

Air zamzam itu mengikut apa yang diarahkan ketika diminum”.



ADAB MINUM AIR ZAMZAM

Minum dalam keadaan tenang dengan 3 kali nafas iaitu dengan tiga kali teguk

Membaca doa



Menghadap ke arah kiblat

Membaca Basmalah

Menggunakan tangan kanan

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا وَرِزْقًا وَاسِعًا وَشِفَاءً مِنْ كُلِّ دَاءٍ

Ya Allah hamba memohon kepada Mu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang luas, dan kesembuhan dari segala penyakit.

* Rasulullah S.A.W pernah minum Air Zamzam secara berdiri dan duduk.

KELEBIHAN AIR ZAMZAM

Dengan Izin Allah

Tidak akan kering
sehingga hari kiamat

Air yang telah digunakan
untuk membasuh hati atau
jantung Rasulullah S.A.W

Kelebihan dari segi saintifik

Boleh menyembuhkan
penyakit dengan izin Allah

Mengenyangkan dan
menambah kekuatan tubuh
badan peminumnya dengan
izin Allah

Menyempurnakan tujuan
dan hasrat peminumnya
dengan izin Allah

KELEBIHAN DARI SEGI SAINTIFIK

Sabda Nabi Muhammad S.A.W

خَيْرُ مَاءٍ عَلَى وَجْهِ الْأَرْضِ مَاءٌ زَمَزَمَ فِيهِ طَعَامٌ مِنَ الطُّعْمِ وَشِفَاءٌ مِنَ السُّقْمِ

Sebaik-baik air di permukaan bumi adalah air zamzam. Padanya ada makanan yang menyegarkan dan penawar bagi segala penyakit.”



KAWASAN MASYA'IR HAJI

MINA

MAKKAH

MUZDALIFAH

'ARAFAH



TABUNG HAJI
حي علم الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

KAWASAN MASYA'IR HAJI

Lambang kebesaran agama Allah meliputi kawasan 'Arafah, Muzdalifah dan Mina.

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ فَإِذَا
 أَفَضْتُمْ مِّنْ عَرَفَاتٍ فَاذْكُرُوا اللَّهَ عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ
 وَأَذْكُرُوهُ كَمَا هَدَيْتُمْ وَإِنْ كُنْتُمْ مِّنَ الضَّالِّينَ

Tidaklah menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu (dengan meneruskan perniagaan ketika mengerjakan haji). Kemudian apabila kamu bertolak turun dari padang Arafat (menuju ke Muzdalifah) maka sebutlah nama Allah (dengan doa, talbiah dan tasbih) di tempat Masy'ar-alharam (di Muzdalifah). Dan ingatlah kepada Allah dengan menyebutNya sebagaimana Ia telah memberikan petunjuk hidayah kepada kamu, dan sesungguhnya kamu sebelum itu adalah dari golongan orang-orang yang salah jalan ibadatnya.

Surah Al-Baqarah Ayat 198



KAWASAN MASYA'IR HAJI



Padang 'Arafah:

- Tempat berwuquf pada 9 Zulhijjah.
- 'Arafah ada 2 makna iaitu:
 - Mengetahui
 - Pertemuan
- Tempat wuqufnya Nabi S.A.W (Jabal Rahmah).
- Dari segi geografinya ialah:
 - Keluasan: 13 km persegi (anggaran)
 - Jarak jauh: dari Makkah melalui jalan asal 21.9 km.

KAWASAN MASYA'IR HAJI



Muzdalifah (Masya'ril Haram) :

- Tempat bermabit pada malam 10 Zulhijjah.
- Terletak di antara 'Arafah dan Mina. Dari 'Arafah 8 km.

KAWASAN MASYA'IR HAJI

Mina:

- Tempat berkumpul dan bermalam pada hari-hari tasyrik.
- Dari segi geografi:
 - Dari Makkah 7 km. Jarak di antara Jamrah ke Jamrah sekitar 500 m.
 - Purata keluasan Mina anggaran sekitar 7.8 km.




MINA

Mina terbahagi kepada 3

JAMARAT

MU'ASSIM

MUHASSIR



MINGGU

01

SEJARAH & PENGENALAN TANAH SUCI MAKKAH & MADINAH

SEJARAH MADINAH

Hadis Rasulullah S.A.W:

Aku telah bermimpi bahawa sesungguhnya aku berhijrah dari kota Makkah menuju ke suatu tempat yang ada pohon kurma padanya lalu aku mengira tempat itu ialah al-Yamamah atau Hajar akan tetapi ia sebenarnya adalah Yathrib.



TABUNG HAJI
حي علم الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

SEJARAH MADINAH

Yathrib adalah nama lama bagi Madinah bersempena orang yang pertama menjejakkan kaki di situ iaitu Yathrib ibn 'Ubayl Ibn 'Iwadh. Beliau keturunan Nabi Nuh AS daripada anaknya Sam Ibn Nuh AS.

Selepas itu bangsa 'Amaliq telah membuka penempatan & ladang serta kebun sehingga bumi Yathrib terkenal dengan hasil pertanian terutama buah tamar.

Dari sebuah penempatan kecil Yathrib berkembang menjadi sebuah kota yang didiami oleh dua bangsa utama iaitu Yahudi & Arab.

Bangsa Yahudi merupakan penduduk majoriti Yathrib & pemegang kuasa ekonominya terdiri daripada tiga puak utama. Iaitu Bani Qainuqa', Bani Nadhir & Bani Qurayzah.

Bangsa Arab pulak terdiri daripada Qabilah Aus dan Qabilah Khazraj dari Bani Qaylah.

Mereka ini sentiasa bertelingkah sehingga kedatangan Rasulullah S.A.W dalam peristiwa hijrah & menukar nama kepada Madinah.



MADINAH SEBAHAGIAN DARI TANAH HARAM

إِنَّ إِبْرَاهِيمَ حَرَّمَ مَكَّةَ وَدَعَا لِأَهْلِهَا وَإِنِّي حَرَّمْتُ الْمَدِينَةَ كَمَا حَرَّمَ
 إِبْرَاهِيمُ مَكَّةَ وَإِنِّي دَعَوْتُ فِي صَاعِهَا وَمُدَّهَا بِمِثْلِي مَا دَعَا بِهِ إِبْرَاهِيمُ لِأَهْلِ مَكَّةَ

Sesungguhnya Ibrahim telah mengharamkan Makkah dan berdoa bagi penduduknya dan aku mengharamkan Madinah seperti mana Ibrahim mengharamkan Makkah dan sesungguhnya aku berdoa untuk keberkatan cupak dan gantangnya dua kali ganda melebihi apa yang telah didoakan oleh Ibrahim bagi penduduk-penduduk Makkah.

MINGGU

01

SEJARAH & PENGENALAN TANAH SUCI MAKKAH & MADINAH

MASJID QUBA'



TABUNG HAJI
حي علم الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

SEJARAH PEMBINAAN MASJID QUBA'

- Pada hari Isnin 8 Rabiul Awal bersamaan 23 Sept 622 M, Rasulullah S.A.W tiba di perkampungan Quba' dalam perjalanan Hijrah dari Makkah, Baginda tinggal di sana selama 4 hari bersama Bani 'Amru bin Auf di rumah Kalthum bin al-Hadm.
- Pada hari pertama itulah Rasulullah S.A.W terus membina Masjid Quba', iaitu Masjid yang pertama dibina dalam sejarah umat ini. Rasulullah S.A.W sendiri turut serta dalam pembinaan itu dengan mengangkut batu-bata dan pasir bersama sahabat.

- Al-Syamus binti al-Nu'man menceritakan:

“Aku melihat Rasulullah S.A.W ketika membina masjid ini. Baginda memikul batu-bata di atas belakangnya sehingga bongkok tubuhnya. Debu-debu dan pasir penuh ditubuh dan bajunya. Apabila seorang sahabat meminta mengambil bebanan itu daripadanya, Baginda tidak membenarkannya, sebaliknya menyuruh mereka membawa bebanan lain sepertinya” Diriwayatkan oleh al-Tabrani.

- Setelah itu Rasulullah S.A.W mengimami solat berjemaah secara terbuka bersama para sahabat di Masjid Quba', berkiblatkan Masjid al-Aqsa pada waktu itu.



SEJARAH MADINAH

Terletak di perkampungan Quba' kira-kira 3 km dari arah Selatan Bandar Madinah. Keluasannya sekarang 5035 m persegi. Masjid yang pertama dibina dalam sejarah Islam berdasarkan firman Allah S.W.T

لَا نَقُمْ فِيهِ أَبَدًا لَمَسْجِدٍ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ
فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ ﴿١٠٨﴾

Jangan engkau sembahyang di masjid itu selama-lamanya kerana sesungguhnya masjid (Quba' yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan di atas dasar taqwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya. Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (menyucikan) dirinya dan Allah mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin).

Surah At-Taubah ayat 108



KELEBIHAN MASJID QUBA'

مَنْ تَطَهَّرَ فِي بَيْتِهِ، ثُمَّ أَتَى مَسْجِدَ قُبَاءَ، فَصَلَّى فِيهِ صَلَاةً كَانَ لَهُ كَأَجْرِ عُمْرَةٍ.

Rasullulah S.A.W bersabda:

Sesiapa yang berwuduk di rumahnya, kemudian dia pergi ke Masjid Quba' untuk bersolat akan diberi ganjaran pahala seperti pahala menunaikan Umrah.

Hadis Riwayat at-Tarmizi (324) & Ibn Majah (1411)

Imam Bukhari meriwayatkan daripada Ibnu Umar bahawa Rasulullah S.A.W selalu pergi ke Masjid Quba' pada hari Sabtu sama ada dengan menaiki unta atau berjalan kaki. Adakalanya baginda pergi pada hari Isnin dan Khamis.

Hadis Sahih Al-Bukhari no.1193



SEJARAH MASJID NABAWI

- Selepas pembinaan Masjid Quba' Nabi S.A.W meneruskan perjalanan ke kota Madinah.
- Baginda membeli sebidang tanah yang dimiliki oleh dua orang anak yatim peliharaan As'ad Ibnu Zurarah iaitu Sahl Ibn 'Amru dan Suhail Ibn 'Amru.
- Rasulullah S.A.W membeli dengan nilai 10 dinar dan dibayar oleh sahabatnya Abu Bakar.
- Setelah menolak tawaran hibah daripada penjaga anak-anak yatim tersebut, Baginda telah mendirikan masjid dan rumah pada hari kedua.

SEJARAH MASJID QIBLATAIN

Lokasi Masjid Qiblatain

Terletak di tengah-tengah perkampungan Bani Salamah iaitu di bahagian barat daya Madinah. Perintah Allah S.W.T kepada Rasulullah S.A.W agar menukar kiblat solat daripada Baitulmaqdis di Palestin ke arah Ka'bah di Makkah.

قَدْ زَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَاهَا فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ وَإِنَّ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ وَمَا اللَّهُ بِغَفِلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ

Kerap kali kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang menengadah ke langit, maka kami benarkan engkau berpaling mengadap kiblat yang kamu sukai. Oleh itu palingkanlah mukamu ke arah Masjidil Haram (tempat letaknya Ka'bah) dan di mana saja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah diberikan Al-Kitab, mereka mengetahui bahawa perkara (berkiblat ke Ka'bah) itu adalah perintah yang benar dari Tuhan mereka, dan Allah S.W.T tidak sekali-kali lalai akan apa yang mereka lakukan". - (Surah Al Baqarah: Ayat 144)

MINGGU

01

SEJARAH & PENGENALAN TANAH SUCI MAKKAH & MADINAH

SEJARAH MADINAH



**SEBAHAGIAN MASJID TUJUH
(LOKASI PEPERANGAN KHANDAK/ AHZAB)**



TABUNG HAJI
حي علم الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my




+603-6207 1919

MINGGU

01

SEJARAH & PENGENALAN TANAH SUCI MAKKAH & MADINAH

SEJARAH MADINAH



JABAL (BUKIT) UHUD DAN PERKUBURAN SYUHADA SEMASA PEPERANGAN UHUD



TABUNG HAJI
حي علم الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

MINGGU

01

SEJARAH & PENGENALAN TANAH SUCI MAKKAH & MADINAH

SEJARAH MADINAH



JABAL AL-RUMAT



TABUNG HAJI
حي علم الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

MINGGU

01

SEJARAH & PENGENALAN TANAH SUCI MAKKAH & MADINAH

SEJARAH MADINAH



PERKUBURAN BAQI'



TABUNG HAJI
حي علم الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

KESIMPULAN

01

Tanah Suci Makkah merupakan tempat bersejarah sejak zaman Nabi Adam A.S dan rasul-rasul terdahulu.

02

Tanah Haram di Makkah dan Madinah mempunyai kelebihanannya yang tersendiri dan para jemaah perlu menjaga adab ketika berada di sana.

03

Terpilih sebagai Dhuyuffurahman adalah nikmat yang wajib disyukuri dan bersabar di atas segala kesukaran.

04

Kawasan ibadat haji meliputi Masya'ir iaitu 'Arafah, Muzdalifah dan Mina.

05

Ziarah Madinah dan tempat bersejarah di sekitarnya adalah untuk mencontohi perjuangan baginda Rasulullah S.A.W.

Belajar Haji

kini lebih mudah secara dalam talian!

Muat turun aplikasi e-Bimbingan Haji melalui:



TABUNG HAJI
حي علم الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my




+603-6207 1919

Belajar Haji

kini lebih mudah secara dalam talian!

e-Bimbingan Haji



01


Pilih

Login kali pertama?

Log masuk kali pertama?



02



03


Klik

Butang Hantar

Hantar



04



05

Klik

Butang Kemaskini

Kemaskini



Muat turun aplikasi e-Bimbingan Haji melalui:



TABUNG HAJI
حي علم الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

*Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan Kemabruran*

Semoga Semua Bakal Jemaah Haji Yang Dikasihi
Diberikan Oleh Allah S.W.T

Kesabaran & Ketenangan
Serta Didoakan Mendapat Sebaik-baik
Ganjaran

*Haji Yang Mabror &
Umrah Yang Maqbul*



TABUNG HAJI
حي علم الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919